

CNS8169

U CB 03-09 00164 BB260

aab

Mahathir - Asean

MELAKA. 3 Sept (Bernama) -- Hubungan baik dan erat antara negara-negara di rantau ini telah menjadikan Asean sebagai kumpulan serantau yang termaju dan stabil. kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kemajuan dan kestabilan di rantau ini dapat dicapai kerana negara-negara anggota Asean tidak mempunyai niat tidak baik terhadap satu sama lain.

+Kita bernasib baik kerana kita tinggal di kawasan yang aman dan jiran kita tidak mempunyai niat yang tidak baik kepada kita, dan kita juga tidak mempunyai niat tidak baik terhadap jiran-jiran kita,+ katanya semasa merasmikan Taman Mini Asean di Air Keroh dekat sini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang memulakan lawatan dua hari ke Melaka hari ini, berkata jalinan hubungan yang baik antara negara-negara Asean amat penting bagi menentukan kestabilan dan keselamatan di rantau ini.

Katanya, suasana rantau yang aman dan sejahtera akan memberi peluang kepada negara-negara anggota Asean membangunkan negara masing-masing.-- Lagi

♥03/09/20-00MST

U CB 03-09 00156 BB261

aab

Mahathir - Asean 2 Melaka

Selepas itu, Datuk Seri Dr Mahathir dan para anggota Kabinet yang akan bermesuarat di sini esok, melawat lapan buah rumah yang dibina mengikut reka bentuk yang menggambarkan suasana hidup di negara-negara Asean.

Antarannya ialah Bahav Kubo yang terdapat di Filipina, Rumah Joglo Mangkurat (Indonesia), rumah Air Tangkup Beloteng (Brunei) dan rumah Peranakan Singapura.

Perdana Menteri berkata Taman Mini Asean itu sekurang-kurangnya dapat membantu rakyat Malavsia yang tidak berpeluang melawat negara-negara Asean untuk mengetahui cara hidup penduduknya.

Beliau juga berkata kerajaan akan memberi bantuan kepada kerajaan negeri yang menjalankan usaha yang bersungguh-sungguh untuk membangunkan industri pelancongan di negeri masing-masing.

Katanya, kerajaan negeri lain hendaklah mencontohi usaha dan idea kerajaan Melaka yang berjaya +memikat+ pelancong ke negeri itu.

Menurutnya, matlamat kerajaan ialah untuk menarik sekurang-kurangnya 18 juta pelancong asing ke negara ini, menyamai bilangan penduduk Malaysia sekarang. -- Lagi

♥03/09/20-14MST

aab

Mahathir - Asean 3 Melaka

Katanya, kerajaan pusat kini memberi tumpuan kepada industri pelancongan kerana sektor itu melibatkan kemasukan wang secara langsung dan ini boleh memajukan ekonomi negara.

+Sebab itulah kerajaan meletakkan pelancongan di bawah sebuah kementerian kerana ia berpotensi untuk berkembang lebih pesat lagi,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir dan rombongannya kemudian ke Air Panas di Jasin untuk merasmikan Colden Valley Golf and Country Club, iaitu projek padang golf 58 lubang yang dijangka menjadi padang golf kedua terbesar di dunia.

Semasa berucap pada majlis itu, Perdana Menteri berkata projek pelancongan bukan sekadar memberi keuntungan kepada golongan +tauke+ sahaja tetapi juga golongan biasa.

Sejak industri pelancongan berkembang di negara ini, ramai yang telah berjaya dalam perniagaan secara kecil-kecilan seperti mengusahakan restoran dan kedai kraftangan, katanya.

Beliau berkata rakyat hendaklah berusaha untuk menjadi golongan yang cekap untuk membangunkan negara iaitu secepat penduduk di negara-negara maju.

Kelab dan padang golf meliputi kawasan seluas 214 hektar itu dibina oleh svarikat pembinaan terkemuka Jepun, Obayashi Corporation. Ia mempunyai kemudahan seperti kolam mandi air panas, hotel 160 bilik, kawasan menunggang kuda dan dusun buah-buahan. -- Bernama

▼03/09/20-38MST